

[THE USE OF VIRTUAL LEARNING AS A MATERIAL FOR PdP ISLAMIC EDUCATION  
BASED ON HIGH LEVEL THINKING SKILLS (HLTS) AMONG  
TEACHER OF ISLAMIC EDUCATION]

PENGGUNAAN VIRTUAL LEARNING SEBAGAI BAHAN UNTUK PdP  
PENDIDIKAN ISLAM BERDASARKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI  
(KBAT) DI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

MOHD SYAUBARI OTHMAN<sup>1</sup>  
MAZARUL HASSAN MOHD HANAPI<sup>2</sup>  
MOHD RIDHUAN MOHD JAMIL<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak,  
MALAYSIA.

Email: syaubari@fpm.upsi.edu.my

---

Received: 10 Mac 2022

Accepted: 25 April 2022

Published: 1 June 2022

---

**Abstract**

*This study aims to discuss the level of use and application of Virtual Learning to the teaching and learning of Islamic education among primary school Islamic education teachers (IET). This study is a survey using descriptive quantitative methods and questionnaires as measurement instruments. The study population involved 402 sample persons based on simple and clustered random sampling among primary school IETs in Perak state. The findings of the study found that the average mean score for the level of IET planning for Virtual Learning was 3.93. Meanwhile, the average mean score for the level of implementation of "Virtual learning" is 3.57. Furthermore, the average mean score for the evaluation level of IET implementation on Virtual Learning as a whole is 3.73. In conclusion, the implementation of Virtual Learning still needs to be improved to help students to improve their knowledge, skills and technological capabilities based on the use of technology in learning. Virtual Learning is not only categorized as a link in the flow of communication but also as an indicator of the latest technology to students who are going through the current boom of technological globalization in education. Therefore, this study triggers the beginning of the analysis of technology components as a catalyst in producing effectiveness in the teaching and learning process of the 21st century, especially in Islamic education.*

**Keywords:** Usage, Virtual Learning, Social Media, T&L

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan membincangkan tentang tahap penggunaan dan pengaplikasian Virtual Learning terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di dalam kalangan guru pendidikan Islam (GPI) sekolah rendah. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif dan borang soal selidik sebagai instrumen pengukuran kajian. Populasi kajian melibatkan 402 orang sampel berdasarkan persampelan rawak mudah dan berkelompok dalam kalangan GPI sekolah rendah di negeri Perak. Dapatan kajian mendapati bahawa purata skor min bagi tahap perancangan GPI terhadap Virtual Learning adalah 3.93. Manakala, purata skor min bagi tahap pelaksanaan terhadap "Virtual

learning” pula adalah 3.57. Seterusnya, purata skor min bagi tahap penilaian pelaksanaan GPI terhadap Virtual Learning keseluruhannya adalah sebanyak 3.73. Kesimpulannya, pelaksanaan Virtual Learning masih perlu dipertingkatkan bagi membantu para pelajar untuk mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan teknologi bersumberkan penggunaan teknologi di dalam pembelajaran. Virtual Learning ini bukan sahaja dikategorikan sebagai penghubung aliran komunikasi malahan menjadi penunjuk arah teknologi yang terkini kepada para pelajar yang menerusi ledakan arus globalisasi teknologi dalam pendidikan. Untuk itu, kajian ini mencetus kepada permulaan pengalikasian komponen teknologi sebagai pemangkin dalam menghasilkan keberkesanan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 khususnya dalam pendidikan Islam.

**Kata Kunci:** Penggunaan, Virtual Learning, Media Sosial, PdPc

## PENDAHULUAN

Kemunculan media sosial telah membawa kepada perubahan ke arah penyertaan masyarakat secara alam maya. Penyertaan masyarakat bukan hanya bersandarkan keadaan realiti semasa di dunia sahaja tetapi juga menerobos dunia digital yang bersifat tiada sempadan (Sidek, 2010; Saavedra & Opfer, 2012). Penghasilan maklumat yang ada di media sosial tidak tertulis dalam surat khabar ataupun tersiar di kaca televisyen malah media sosial juga turut membantu menyebarkan budaya popular (Amabile, Hennessey & T.M, 2010). Kini, untuk mengakses *Facebook*, *You Tube* ataupun *Twitter* boleh dilakukan di mana sahaja dan pada bila-bila masa menerusi penggunaan telefon bimbit (Rosnani Hashim, 2012). Selain itu, media sosial ini juga berperanan untuk mempengaruhi proses pelaksanaan aktiviti komunikasi (Shaharom & Nur Laili, 2012; Siti Marlina, 2013). Untuk itu, kewujudan *Virtual Learning* yang merangkumi animasi, video klip, TV klip, muzik video, dan kuiz interaktif yang dimuat naik oleh para pelajar adalah menifestasi daripada ledakan dunia media sosial pada waktu ini dan merupakan alternatif kepada dunia interaktif yang dapat di aplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Menurut (Brookhart, 2010 Wan Mat & Hj Norkhairiah, 2011) ledakan maya dalam bidang pendidikan menawarkan berbagai titik pertemuan di antara pembentukan pengetahuan dan kefahaman maklumat menerusi perbandingan lingkungan penggunaannya. Untuk itu, jalinan kepelbagaian fungsi *Virtual Learning* melibatkan penggunaan medium *You Tube* merupakan media yang diistilahkan dengan kecapaian pelbagai fungsi. Penggunaan *You Tube* yang berkesan khususnya bagi proses PdP memerlukan pembentukan jalinan aktif dalam setiap perhubungan proses komunikasi di antara guru, bahan dan pelajar (Caroline@Lorena & Abdul Said, 2014).

Oleh itu, *Virtual Learning* merupakan kesinambungan penggunaan bahan bantu mengajar yang menepati kehendak aliran masa kini dan berperanan sebagai rujukan di kalangan pelajar khususnya yang menggunakannya sebagai saluran menyiapkan tugas yang ditetapkan. Jaringan perhubungan di antara *Virtual Learning* dan *You Tube* yang mempunyai lingkaran warna yang menarik, berupaya menarik perhatian para pelajar dalam mengaplikasikannya terhadap PdP. Kini, laman sosial *YouTube* juga bukan lagi sekadar digunakan untuk berkongsi video-video peribadi, komersial dan sebagainya, malah laman sosial *You Tube* juga telah digunakan sebagai salah satu medium pembelajaran yang berkesan (Partnership for 21st Century Skills, 2010)

Menurut (Khairiah Razali, 2013), video merupakan suatu sumber pendidikan dan pencetus motivasi yang amat berpengaruh. Namun, sebahagian besar kekuatannya bukan terletak pada video itu sendiri tetapi pada bagaimana video itu digunakan.

(Sukiman Saad, Noor Shah Saad, Mohd Uzi Dollah, 2013) menyatakan di antara kepentingan penggunaan media sosial ialah untuk perkongsian pengetahuan dan maklumat di atas talian menerusi kepelbagaian kumpulan yang menggalakkan kemahiran berkomunikasi khususnya di antara pelajar. Oleh itu, hubungan platform *You Tube* dengan *Virtual learning* menerusi elemen pendidikan merupakan menifestasi keupayaan guru untuk mempersembahkan kandungan pengajaran menerusi kaedah yang lebih menarik perhatian pelajar (Khairiah Razali, 2012 Sarmah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Nurul Huda Hassan, Mohamad Maliki Ali, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Zahiah Haris@ Harith & Mustafa Kamal Ahmad Kassim, 2011). Namun persoalannya, sejauh mana penggunaan *Virtual Learning* di kalangan pelajar menepati kehendak mengimplementasikan teknologi terkini terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP)?

## **PELAKSANAAN VIRTUAL LEARNING DALAM SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

*Virtual learning* adalah satu sistem rangkaian berasaskan web yang menyerupai dunia pendidikan sebenar dengan mengintegrasikan pendidikan konvensional dalam persekitaran maya. Sebagai contoh, guru boleh berkongsi maklumat, memberi tugas, membuat ujian dan menanda tugas secara maya manakala murid pula boleh menyiapkan kerja rumah dan melihat keputusan mereka melalui *paparan secara virtual*. Pihak pentadbir sekolah pula boleh menyusunan atur kalendar aktiviti sekolah untuk dikongsi dengan murid, guru dan ibu bapa secara atas talian dan ibu bapa juga boleh melihat perkembangan terkini tentang sekolah secara atas talian di mana jua pada bila-bila masa

*Virtual learning* merupakan landasan *cloud* yang memberi ruang untuk para GPI melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan berbantuan komputer dengan lebih berkesan. Teknologi Awan (*cloud*) ialah penggunaan teknologi berasaskan internet di mana perkhidmatan perkongsian sumber, aplikasi perisian, penyimpanan data, capaian dan pengurusan data boleh digunakan secara dalam talian oleh pengguna. Antara teknologi perkomputeran awan yang sering digunakan adalah seperti *Amazon* dan *Google*. *Virtual Learning* merupakan satu bahan bantu mengajar yang sesuai dengan situasi pengajaran dan pembelajaran abad ini. Warga pendidik boleh mengolah persekitaran mengikut kesesuaian matlamat pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaannya pula berlandaskan kurikulum dan falsafah pendidikan negara. Program *Virtual Learning* membolehkan para pelajar mempunyai daya fikir dan nilai tambah yang membolehkan mereka ke hadapan dan setaraf negara-negara maju (Khalid, 2010; KPM, 2014).

## **PENERAPAN AMALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)**

Amalan KBAT ini memerlukan keupayaan untuk menghuraikan, menterjemahkan, mencipta, merefleksikan dan menghubungkan dengan situasi semasa. Penekanan KBAT ini dalam sistem pendidikan negara adalah lanjutan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah dilaksanakan bermula 1993 (Ragendran, 2001). Proses pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah bersumberkan taksonomi bloom dan diubahsuai oleh Lorin Anderson menerusi empat heiraki teratas iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (KPM, 2014).

Transformasi kurikulum pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM ) 2013-2025 memberi penekanan utama terhadap konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi mempunyai keupayaan dalam pemikiran kritis dan kreatif. Pendekatan ini diperkenalkan untuk mencapai matlamat utama pendidikan

iaitu menghasilkan lebih banyak pelajar yang mempunyai keupayaan kognitif aras tinggi melalui pedagogi secara pembelajaran aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun, matlamat masih belum tercapai sepenuhnya maka pelbagai pendekatan telah diperkenalkan untuk menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia. Menurut (Amabile et al, 2010).

*“Jika inginkan pelajar yang berpotensi untuk berfikir dan mampu menyelesaikan masalah kita perlu mula menyediakan tugas-tugas yang kompleks yang berkognitif tinggi”.*

Maka proses tranformasi Pendidikan Islam telah dirangka berdasarkan pelaksanaan pengajaran guru di sekolah melalui pengubahsuaian melibatkan komponen keupayaan kurikulum, pembentukan budaya sekolah, penambahbaikan pengetahuan guru dan tahap kemampuan pelajar mengaplikasi setiap isi kandungan pembelajaran yang diperolehi agar matlamat pengenalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berorientasikan KBAT dapat dilaksanakan dengan berkesan dan seterusnya membentuk penghayatan akidah yang mantap di kalangan pelajar.(Noor Hisham, 2011; Zuraidah, 2013).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap penggunaan GPI terhadap *Virtual Learning* dalam PdP Pendidikan Islam di kalangan pelajar sekolah rendah di negeri Perak. Selain itu, untuk mengetahui tahap penglibatan GPI semasa menggunakan *Virtual Learning*. Seterusnya, kajian turut mengkaji tahap pelaksanaan oleh GPI dalam aplikasi *Virtual Learning* sebagai sumber dalam PdP secara berkesan.

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif seperti yang berikut :

- 1.0 Untuk mengenal pasti tahap perancangan penggunaan *Virtual Learning* di kalangan GPI.
- 2.0 Untuk mengukur tahap pelaksanaan GPI semasa menggunakan aplikasi *Virtual Learning* dalam PdP
- 3.0 Untuk menilai pelaksanaan *Virtual Learning* oleh GPI sebagai sumber pembelajaran berasaskan KBAT.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula tertentu. Menurut (Creswell, 2009) kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan 3 komponen utama,

- 1.0 Tahap perancangan penggunaan
- 2.0 Tahap pelaksanaan
- 3.0 Penilaian pelaksanaan.

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang hanya menggunakan soal selidik dan kaedah pengukuran berdasarkan ujian analisis deskriptif iaitu min dan sisihan piawai bagi menentukan ciri-ciri pembolehubah tanpa melakukan generalisasikan. Kajian ini

menggunakan instrumen pelaksanaan *frog vle* yang dibentuk oleh KPM sebagai asas utama dengan dibantu beberapa artikel yang melaksanakan kajian mengenai keberkesanan *frog vle* dalam pengajaran.

### Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan guru-guru pendidikan Islam bagi peringkat sekolah rendah di negeri Perak yang berjumlah 402 orang dengan pembahagian taburan kajian menggunakan tiga zon iaitu melibatkan Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan. Jumlah keseluruhan GPI di Perak adalah 3,502 orang berdasarkan maklumat daripada Bahagian Pendidikan Islam dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak, namun berdasarkan jadual (Krajie & Morgan, 1970, Mohd Majid, 2005; Cohen, 2007) menerusi penentuan sampel daripada populasi jumlah yang bersesuaian ditetapkan 382 orang, namun di dalam kajian ini menggunakan 402 orang guru sebagai syarat ujian untuk dilaksanakan ujian ANOVA (Cohen, 2011). Guru-guru yang terpilih dikategorikan berdasarkan jantina, kelayakan akademik, umur dan pengalaman mengajar.

### Pengumpulan dan Analisis Data

Dapatan data yang diperolehi ini dilaksanakan menerusi instrumen yang dibentuk bersumberkan instrumen seperti berikut Instrumen pelaksanaan teknologi dalam pengajaran, asas taksonomi yang dibangunkan oleh Bloom dan Anderson, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (elemen pedagogi) dan dasar pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui instrumen pengajaran guru KBAT. Kesemua item ini akan dianalisis dan diubahsuai oleh penyelidik bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Daripada data yang diperolehi adalah diharapkan agar penyelidik dapat mengenal pasti penggunaan *frog vle* sebagai bahan PdP pendidikan Islam.

Bagi dapatan kebolehpercayaan untuk soal selidik ini berada pada tahap tinggi iaitu nilai *Alpha Cronbach* mencatatkan (0.81422). SPSS 20.0 digunakan untuk mencari nilai kekerapan, peratus dan min. (Mohd Majid, 2005; Pallant, 2010). Jadual 2 menunjukkan bagi nilai kebolehpercayaan melibatkan komponen tahap perancangan penggunaan yang mencatatkan (0.8753), komponen tahap pelaksanaan (0.8415) dan komponen penilaian pelaksanaan yang mencatatkan (0.8324).

**Jadual 2** : Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

Pembolehubah	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Tahap perancangan penggunaan	0.8753
Tahap pelaksanaan	0.8415
Penilaian pelaksanaan	0.8324

Skala Likert lima mata digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi ini di analisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min

## Analisis Kajian

Data telah di ringkaskan dan di analisis berdasarkan jadual 3 berdasarkan analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman mengajar GPI menerusi tahap penggunaan *frog vle* sebagai bahan KBAT.

**Jadual 3** : Analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, taraf pendidikan, pengalaman mengajar GPI

Pemboleh Ubah	Frekuensi	Peratus
<b>Jantina</b>		
1) Lelaki	146	36.31
2) Perempuan	256	63.69
<b>Taraf Pendidikan</b>		
2) Diploma	155	38.55
3) Sarjana Muda	193	48.00
4) Sarjana	54	13.45
<b>Pengalaman Mengajar</b>		
1) Kurang 3 tahun	113	28.10
2) 4- 10 tahun	142	35.32
3) 10 tahun ke atas	147	36.58

Berdasarkan jadual ini, taburan jantina bagi guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 146 lelaki dan 256 perempuan. Ini menunjukkan kebanyakan guru yang terlibat adalah guru perempuan yang sememangnya mendominasi perjawatan di dalam bidang perguruan ini. Guru-guru ini adalah berkemampuan dan bersifat produktif di dalam menyumbang kepada penggunaan *Virtual learning* yang berkesan dan berteraskan KBAT. Bagi kategori taraf pendidikan, di dapati ramai guru yang berada pada tahun diploma dan sedang melanjutkan pengajian bagi peringkat ijazah, ini membuktikan guru mempunyai komitmen meningkatkan pengetahuan berkaitan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan aliran masa kini dan merupakan salah satu daripada elemen di dalam pelaksanaan KBAT. Bagi kategori taraf pendidikan ini mendapati guru yang mempunyai diploma adalah seramai 155 orang, di ikuti ijazah sarjana muda seramai 193 orang dan peringkat sarjana seramai 54 orang.

Untuk kategori pengalaman mengajar di dapati guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun iaitu seramai 147 orang yang telah didedahkan dengan pelaksanaan KBAT menerusi pengaplikasian *virtual learning*. Selain itu, guru yang berpengalaman juga mempunyai keupayaan asas pengajaran dalam mempelbagaikan kaedah yang dapat menarik perhatian pelajar. Bagi kategori pengalaman mengajar ini, guru yang kurang daripada 3 tahun adalah

seramai 113 orang dan 4 hingga 10 tahun seramai 142 orang dan seramai 147 orang untuk 10 tahun ke atas.

## DAPATAN KAJIAN

Huraian berdasarkan analisis deskriptif iaitu min serta gambaran setiap item kajian.

**Jadual 4** : Dapatan Keseluruhan Kajian

Pernyataan	Purata Min	Tahap
1. Tahap perancangan penggunaan Tinggi	3.93	Sederhana
2. Tahap pelaksanaan Tinggi	3.57	Sederhana
3. Penilaian pelaksanaan Tinggi	3.73	Sederhana
<b>Purata</b>	<b>3.74</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

## PERBINCANGAN

Perbincangan berkaitan hasil dapatan kajian adalah berdasarkan tahap penggunaan, penglibatan dan penilaian pelaksanaan *frog vle* di kalangan GPI

### Dapatan kajian bagi elemen tahap perancangan penggunaan

Penyelidik mendapati penggunaan *virtual learning* dalam mata pelajaran pendidikan Islam dikalangan GPI berada pada tahap sederhana tinggi dengan purata min (3.93). Berdasarkan dapatan kajian bagi item yang mencatatkan peratusan min tertinggi adalah guru sentiasa merancang untuk menggunakan *virtual learning* berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap tajuk yang telah di ajarkan sebelum. Ini membuktikan guru sentiasa mengambil berat elemen perancangan mengaplikasikan *virtual learning* berdasarkan tahap keupayaan pelajar yang di dapati daripada pencapaian pembelajaran sebelumnya. Ini menunjukkan elemen KBAT sentiasa diberi penekanan oleh GPI di dalam kelas. Namun penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan item guru memohon pandangan rakan guru berkaitan elemen *virtual learning* yang digunakan dalam pengajaran, ini kerana masa yang diperuntukkan adalah terhad, maka jalinan kerjasama dengan rakan sekerja dapat membantu dan menghasilkan dapatan yang menyeluruh. Dari segi keseluruhannya, kajian ini mendapati wujud pengamalan yang sederhana tinggi dalam amalan perancangan penggunaan *virtual learning* di dalam pengajaran GPI.

### **Dapatan kajian bagi elemen tahap pelaksanaan.**

Guru-guru melaksanakan *virtual learning* pada peringkat pelaksanaan berada pada tahap sederhana tinggi dengan purata min (3.57). Berdasarkan dapatan kajian bagi tahap penglibatan mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah guru menentukan objektif *virtual learning* menerusi kefahaman pelajar dengan tertakluk kepada sukatan yang telah ditetapkan. Ini membuktikan guru menggunakan objektif yang jelas untuk meningkatkan keupayaan pelajar melaksanakan *virtual learning* dengan kerja secara kumpulan, berfokus kandungan pengajaran dan kemahiran menganalisis sesuatu topik yang di ajar menggunakan perisian *virtual learning*. Ini menunjukkan terdapat penglibatan yang teliti dan jelas dalam mengaplikasikan elemen KBAT oleh GPI menerusi *virtual learning* dalam PdP. Namun penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah berkaitan guru memberi masa kepada pelajar untuk memahami objektif *virtual learning* yang ditetapkan dengan jelas, ini pendekatan yang sukar dilaksanakan di peringkat sekolah rendah kerana tahap kemampuan memahami konsep matlamat sesuatu perisian teknologi seperti *virtual learning* berada pada tahap rendah dan memerlukan bimbingan yang berterusan dalam memastikan pelajar memahami apa tujuan sesuatu perisian itu digunakan.

### **Dapatan Kajian bagi Tahap Penilaian Pelaksanaan**

Guru-guru melaksanakan KBAT menerusi *virtual learning* pada peringkat penilaian pelaksanaan berada pada tahap sederhana tinggi dengan purata min (3.73). Berdasarkan dapatan kajian bagi penilaian pelaksanaan mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah guru menilai pelaksanaan *virtual learning* berkaitan pengajaran bermatlamat pelajar memahami perkaitan dengan tajuk yang akan di ajar. Ini membuktikan guru memberi kebebasan kepada pelajar menggunakan *virtual learning* berdasarkan tahap kefahaman, keupayaan dan kemampuan pelajar tetapi akhirnya guru akan membuat rumusan keseluruhan. Namun untuk proses penerapan KBAT yang berpusatkan pelajar, sewajarnya pelajar didedahkan dengan bagaimana penggunaan *virtual learning* ini di lakukan. Ini menunjukkan perlu wujudnya kefahaman yang tinggi oleh GPI dalam melaksanakan *virtual learning* bagi memudahkan pembentukan KBAT untuk dihadamkan kepada pelajar.

Namun dalam kajian ini mendapati, masih terdapat guru melaksanakan *virtual learning* hanya bertujuan untuk peperiksaan sahaja bukannya untuk penguasaan ilmu kerana guru terikat dengan sukatan yang ditetapkan. Selain itu penggunaan *virtual learning* berdasarkan keupayaan pelajar adalah perkara yang memerlukan pertimbangan ilmu yang mendalam yang di kalangan GPI. Dari segi gambaran keseluruhannya menerusi tinjauan awal ini mendapati sememangnya wujud penilaian pelaksanaan yang tinggi *virtual learning* GPI berdasarkan KBAT di Malaysia. Ini telah mendorong berlakunya keciciran kefahaman dikalangan pelajar sehingga ianya tidak dapat diterjemahkan dalam konteks seharian prlajar

### **Dapatan Keseluruhan**

Ini menunjukkan bahawa penerapan KBAT sememangnya berlaku di dalam penggunaan *virtual learning* GPI namun beberapa penambahbaikan perlu dilakukan seperti interaksi pelajar sesama pelajar ketika proses pelaksanaan, *virtual learning* pengendalian sesi interaktif alam maya di kalangan pelajar menerusi penetapan objektif yang melihat penguasaan KBAT pelajar. Selain itu, menerusi kajian ini keupayaan guru untuk menghasilkan KBAT melalui perancangan yang tersusun menggunakan *virtual learning*. Selain itu, hasil kajian ini, menunjukkan beberapa penambahbaikan di peringkat perancangan pengajaran, penetapan



objektif pengajaran dan pelaksanaan pengajaran hendaklah menekankan aspek-aspek yang berikut iaitu aktiviti-aktiviti menerusi perancangan dan objektif pengajaran yang diselarikan dengan kandungan *virtual learning* untuk dilaksanakan.

Kajian ini juga merumuskan kepelbagaian aktiviti-aktiviti mengenai *virtual learning* yang dijalankan hendaklah berteraskan objektif pengajaran. Selain itu, elemen penyilaian perlu dipertingkatkan dan dipelbagaikan menerusi keselarian dengan kandungan tajuk agar penerapan KBAT dapat diterapkan secara sepenuhnya. Semua persolan yang dilaksanakan menerusi *virtual learning* menjadi asas permulaan kepada KBAT seiring dengan dapatan yang diperolehi

Rumusannya keseluruhan daripada dapatan kajian ini dapat mengukuhkan dan memantapkan isi kandungan pengajaran guru menerusi penggunaan *virtual learning* berorientasikan KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan bagi menyelesaikan beberapa persoalan-persoalan baru dalam memantapkan kefahaman pelajar tentang kepentingan memahami, menganalisis dan menerapkan amalan di dalam kehidupan seharian.

## RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri dan Mohammad Khairul Azman AJuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep “*muallim*”. *Journal Islamic and Arabic Education* 2(1) 43-56.
- Amabile , Hennessey, B. A, and, T. M. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology* ; 61, 569-598.
- Asmawati Suhid, dan Fathiyah Mohd Fakhruddin , (2012) *Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: hala tuju dan cabaran*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (4). pp. 57-70. ISSN 1985-6236.
- Boaler, J. (2008). *Promoting ‘Relational Equity’ and High Mathematics Achievement Through an Innovative Mixed Ability Approach*. *British Educational Research Journal*. 34 (2), 167-194
- Brookhart, S. (2010), *How to Assess Higher Order Thinking Skills in Your Classroom*, ASCD
- Caroline@Lorena David dan Abdul Said Ambotang (2014). *Profesionalisme guru novis dalam pengurusan pengetahuan, kesediaan mengajar dan kemahiran berfikir aras tinggi terhadap pelaksanaan pengajaran di sekolah*. Kota Kinabalu : Universiti Malaysia Sabah
- Cohen, J. Lawrence Manion and Keith Marrison (2007). *Research Method in Educatio*. London ; Routledge, Francais and Taylor Group
- Creswell, J. W. (2009). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows ,4<sup>rd</sup> Edition*, Crows West , New South Wales.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2010). *Faktor pentadbir dan pengetua dalam kecemerlangan guru cemerlang Pendidikan Islam dan guru di sekolah menengah: satu kajian kes*. JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 2 (1). pp. 13-20. ISSN 1985-6236.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Kurikulum)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pedagogi)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pentaksiran)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairiah Binti Razali, (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pendidikan Islam*. Batu Pahat. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid, T. (2010). *An Integrated Inquiry Activity in an Elementary Teaching Methods Classroom*. Science Activities: Classroom Projects and Curriculum Ideas.
- Krejciec, R.V & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activities, education and psychological measurement*, 30 : 608-619.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran : penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden*. Kongres pengajaran dan pembelajaran ; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Partnership for 21st Century Skills. (2010). *Beyond the Three Rs: Voter Attitudes Toward 21st Century Skills*. Tucson, AZ.
- Rajendran, Nagappan. (2001). *Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice*. Paper presented at the 9th International Conference on Thinking, Auckland, New Zealand.
- Rosnani Hashim. (2012). *Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century*. American Journal of Islamic Social Sciences, 22(4): 133-147.
- Saavedra, A. & Opfer, V. (2012). *Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching*. Phi Delta Kappan, 94(2), 8-13.
- Sarmah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Nurul Huda Hassan, Mohamad Maliki Ali, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Zahiah Haris@ Harith & Mustafa Kamal Ahmad Kassim. (2011). *Kajian persepsi pelajar terhadap personaliti dan amalan pengajaran guru pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor*. *Prosiding penyelidikan international conference and exhibition on research Islamic And Arabic language education*. Bangi : Association of Malaysian Muslim Intellectual.
- Sidek Baba. (2010). *Kehidupan Sejahtera Terbina Atas Pendidikan Bersepadu*. Pendidik Bilangan 73.
- Siti Marlina Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar tingkatan lima dalam penyelesaian matematik*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Shaharom Noordin & Nur Laili Binti Lockman. (2012). *Tahap Penguasaan Kemahiran Meramal Dan Kemahiran Mengawal Pembolehubah Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Kimia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, Mohd Uzi Dollah. (2013) : *Pengajaran kemahiran berfikir : persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah* : *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, Tanjung Malim ; Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Mat Sulaiman & Hjh Norkhairiah Pg Hj Hashim. (2011). *Aplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam*. Journal of Applied Research in Education, Vol 15, No.1 & 2, 2011, pp.43-58.
- Zuraidah Binti Ramdzan@Ramban. (2013). *Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR)*. Johor Bharu. Universiti Teknologi Malaysia.